

Sejarah Syariat Islam dan Perkembangannya

Bersempena dengan peringatan-peringatan menyambut Mawlid Al-Sharif di dalam bulan-bulan yang empat iaitu Rabi' al-Awwal, Rabi' al-Akhir, Jamādi al-Awwal dan Jamādi al-Akhir maka di sini ada moleknya kita meninjau sejarah syariat Islam dan perkembangannya semenjak daripada tumbuhnya sehingga kepada perkembangan-perkembangannya dan sehingga kepada timbulnya sejarah fikah daripada empat mazhab yang mahsyur itu.

(1)

Masa Rasulullah, Abu Bakar dan Umar

Semenjak daripada ayat yang pertama diturunkan kepada Rasulullah (S.A.W) dan berturut-turut sehingga 23 tahun lamanya Rasulullah menerima wahyu daripada Tuhan ialah untuk memberi pertunjuk, penjelasan dan pendengaran segala sesuatu kepada manusia di dalam perkara-perkara yang berhubung dengan akhlak, batas-batasnya, hukum-hukum kemajuannya, perniagaan, jenayah, bangsa-bangsa dan hak-hak perseorangan.

Pada umumnya semua keterangan-keterangan yang dinyatakan itu tidaklah jelas satu persatu (diberi *sedetail-detailnya*). Kebanyakan yang disampaikan dengan wahyu itu pada jumlahnya sahaja tetapi kemudiannya oleh Nabi telah dijelaskan satu persatunya apabila terjadi sesuatu peristiwa yang menghendaki demikian itu.

Turunnya Qur'an itu terbahagi atas dua tempat - yang pertama semasa Rasulullah di Mekah. Ayat-ayat yang diturunkan di sini pada umumnya adalah bersabit dengan perkara-perkara yang mengenai tauhid. Yang kedua turunnya di Madinah. Ayat-ayat di sini diturunkan mengikut perkembangan yang menghendaki adanya peraturan-peraturan kehidupan dan hukum-hukum yang mengenai dengan permasalahatan dan seumpamanya.

Rasulullah kebiasaannya bekerja menerangkan ayat-ayat yang baharu turun kepada pengikut-pengikutnya dan Rasulullah juga

bekerja memberi fatwa-fatwa terhadap sebahagian peristiwa-peristiwa yang terjadi. Kadang-kadang pula fatwa-fatwa Rasulullah itu menjelaskan hukum sesuatu peristiwa kejadian yang ditanya orang hukumnya kepada Rasulullah dan hukum kejadian-kejadian lain. Umpamanya sebagaimana yang diceritakan oleh Abu Hurairah iaitu seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah (S.A.W):

“Kami belayar melewati laut dan kami membawa hanya sedikit air sahaja. Kalau kami gunakan air itu bagi berwuduk, nescaya kami akan kehausan. Adakah kami boleh mengambil wuduk dengan air laut?” Rasulullah (S.A.W) bersabda: “Air laut itu suci airnya, halal bangkainya.”

Sahabat-sahabat Rasulullah selalu berkumpul dengan Rasulullah dalam kebanyakan masanya. Dengan demikian mereka dapat mendengar pengajaran daripada beliau terutamanya tentang wahyu Al-Qurān serta memahamkan segala apa yang diperbuat dan diperkatakan oleh Rasulullah sendiri.

Sahabat-sahabat itu tidak serupa keadaannya dalam hal ini. Di antara dalam hal ini ada yang sedikit pengetahuannya kerana mereka hanya mendengar satu atau dua hadith Nabi; dan ada pula yang banyak menghafal dan banyak memahaminya, dan ada juga yang pertengahan di antara kedua.

Terjadi demikian itu ialah sebahagian dari sahabat-sahabat itu mempunyai kewajiban mengurus hartanya, berniaga di pasar atau mencari rezeki. Dengan itu mereka tidak dapat hadir di dalam majlis-majlis Rasulullah setiap saat dan masa. Di antara sahabat-sahabat yang ada kebanyakan waktunya bersama-sama Rasulullah ialah seperti Abu Hurairah. Sebab itu Abu Hurairah ialah salah seorang sahabat yang terbanyak meriwayatkan hadith Nabi sehingga ada sahabat-sahabat lain yang mengkritik beliau.

Abu Hurairah hanya menjawab: “Orang ramai mengatakan Abu Hurairah telah terlampau banyak menceritakan hadith Nabi. Kalau tidaklah kerana dua ayat di dalam Al-Qur’an, saya tidak akan menceritakan satu hadith pun bagi selama-lamanya.”

Setelah menyebutkan demikian itu, Abu Hurairah pun membacakan ayat Al-Qur’an yang maksudnya: “Ada pun yang menyembunyikan apa-apa yang Kami turunkan daripada keterangan-keterangan yang amat nyata dan begitu juga pertunjuk yang sudah Kami nyatakan akannya kepada orang ramai, maka mereka itu orang yang rugi.”

Ada pun orang-orang Muhājirīn yang berasal dari Mekah mereka berjual-beli di pasar mencari rezeki (sebab harta mereka tertinggal semuanya di Mekah). Sahabat-sahabat Anṣār pula mereka asyik bekerja dengan pekerjaan-pekerjaan mereka hingga mereka tidak dapat membulatkan dirinya untuk ilmu.

Ada pun Abu Hurairah ia sentiasa ada bersama-sama Rasulullah, melayan Rasulullah dan dapat memenuhi pengetahuan-pengetahuannya. Ia dapat hadir di dalam tiap-tiap tempat yang sahabat-sahabat tidak dapat hadir di dalamnya. Oleh sebab itu ia dapat menghafal yang orang lain tidak dapat menghafalnya.

Demikian pula sebagaimana sahabat-sahabat Nabi tidak sama keadaannya dalam hal ini maka demikian itulah pula mereka tidak sama darjatnya dalam memahami dan menghafal apa yang mereka dengar dari Nabi (S.A.W). Di antara sahabat ini ada mendengar perkataan Rasulullah tetapi tidak dapat menghafalnya; dan kerana itu ia meriwayatkan dengan maknanya sahaja dalam menurut kekuatan faham pendengarannya daripada perkataan Nabi. Di antara sahabat-sahabat itu pula ada yang bagus fahamnya dan bagus hafalannya seperti Ibn Abbas (R.A). Ada pula diantaranya yang pertengahan.

Terhadap al-Qur’an pula tidak sama pula mereka itu dalam memahaminya sebagaimana tidak sama pula kekuatan mereka menghafalnya. Oleh itu fatwa-fatwa hanya keluar daripada ulama-ulama yang terkemuka pengetahuannya tentang kitab Allah dan sunnah Rasul dalam menghafalnya dan dalam memahaminya. Di antara mereka itu termasuklah Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Ammar bin Yasir, Hudzaifah, Zaid bin Tsabit, Abu Darda’, Abu Musa al-Ash’ari dan Salman al-Farisi. Sekalian sahabat-sahabat ini berfatwa ketika Rasulullah masih hidup [ertinya dalam masa Nabi sendiri mereka pernah menyatakan pendapatnya tentang sesuatu hukum yang tidak dibantah oleh Rasulullah].

Abu Daud dan Al-Tirmizi menceritakan bahawa Nabi Muhammad (S.A.W) berkata kepada Muadh bin Jabal tatkala memerintahkan sahabat ini berangkat ke Yaman: “Dan apa engkau menghukum?” Muadh menjawab: “Dengan kitab Allah.” “Kalau engkau tidak dapat dalam kitab Allah, dengan apa engkau hukumkan?” Kata Nabi. Jawab Muadh: “Dengan sunnah Rasulullah.” “Kalau itu tidak engkau dapati?” tanya Rasulullah. Jawab Muadh: “Dengan pendapat saya sendiri.” Pendapat (fikiran) di sini ertinya “ijtihad” iaitu pendapat yang sungguh-sungguh yang tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu iaitu dengan mengqiaskan

keadaan yang terjadi kemudiannya dengan suatu keadaan yang seperti itu pada zaman Rasul atau memakai dasar syariat umum. Hal yang seperti ini hanya boleh disanggupi oleh cerdik pandai yang mempunyai pengetahuan tentang apa yang terkandung di dalam kitab Allah dan sunnah Rasul.

* * *

Dalam masa hayat Rasulullah, keadaan sahabat-sahabat terhadap al-Qur'an dan al-hadith adalah sebagaimana disebutkan: Kitab Allah (Al-Qur'an) telah tertulis dan telah dihafal di dalam beratus-ratus ribu di dada. Sunnah Rasul pula sekadar dihafal sebahagian daripada sahabat atas perkataan dan perbuatan Nabi (S.A.W), sendiri. Di antara sahabat-sahabat itu ada yang menuliskan hadith-hadith Nabi itu yang ditulis semata-mata untuk kegunaan mereka masing-masing (sendiri). Memang benar Abdullah bin Amr bin Al-Ash ada menulis hadith-hadith Nabi yang termasuk di dalamnya "lembaran yang benar" iaitu hadith-hadith yang paling benar yang dijadikan hujah (alasan) oleh imam-imam yang empat dan oleh setengah-setengah mereka yang telah menjadikan hadith-hadith tersebut dalam darjat Ayub dari Nāfi' dari ibn Umar.

Oleh kerana hingga pada waktu itu sunnah Nabi masih belum dibukukan maka hadith-hadith itu diterima oleh sahabat-sahabat dengan riwayat sahaja, dan ada kalanya dengan memahami maksudnya sahaja iaitu menurut yang dapat difahamkan oleh yang mencitrakannya ketika ia mendengar hadith yang tersebut.

Punca fatwa pada masa itu hanyalah al-Qur'an dan hadith-hadith yang diriwayatkan orang. Ada masa-masanya terdapat seorang mufti yang hendak menyatakan hukum dalam suatu perkara yang tidak ada sesuatu nasnya (ketetapan hukum itu) di dalam Al-Qur'an dan dalam hadith Nabi. Oleh yang demikian ia pun berijtihad dengan fikirannya dan membandingkan keadaan-keadaan yang baru terjadi dengan perkara-perkara yang terjadi di dalam zaman Rasulullah (S.A.W).

Sebahagian sahabat ada yang menerima hadith Nabi dari sahabatnya (sama-sama sahabat) sekalipun ia mempunyai kedudukan di dalam ilmu pengetahuan, dan tidak seorang jua pun di antara mereka yang memandang salah atau tidak baik bertanya dari hal suatu nas al-kitab atau al-hadith tentang sesuatu peristiwa yang terjadi. Ibn Jarir menceritakan:

"Ibn Umar dan sekumpulan sahabat-sahabat Nabi di Madinah berfatwa menurut mazhab Zaid bin Thabit (sama-sama sahabat) dan mereka menerima daripada Zaid bin Thabit sesuatu yang mereka tidak dengar daripada Rasulullah sendiri."

Masruk mengatakan: "Saya lihat beberapa orang tua dari sahabat-sahabat Nabi bertanya kepada Aisyah tentang faraid (pembahagian harta pusaka). Banyak perkara datang kepada Abu Bakar dan Saiyidina Abu Bakar memutuskan dengan apa yang diketahuinya dari kitab Allah atau pun sunnah Rasul; tetapi kalau ia tidak bertemu di dalamnya, ia pun bertanyalah kepada sahabat-sahabat kalau-kalau mereka mengetahuinya. Rasulullah pernah menghukum sesuatu perkara seperti itu. Kalau ada sahabat-sahabat yang memberi kenyataan maka diambilnya kenyataan itu menjadi penghukum; dan kalau tidak, Saiyidina Abu Bakar berijtihad menurut fikirannya sendiri."

Ada pun Khulafa' al-Rasyidin (R.A) di dalam kebanyakan masalah mereka menghimpunkan sahabat-sahabat itu dan mengemukakan perkara-perkara yang sulit kepada mereka kerana barangkali ada di antara sahabat-sahabat itu yang mengetahui sesuatu hadith Nabi di dalam perkara-perkara yang seperti itu, atau ada mempunyai suatu pengetahuan dari al-Qur'an dan mereka membahas soal-soal yang tersebut. Demikianlah mereka, (R.A), menyelesaikan sesuatu kerumitan.

Umar Ibn al-Khattab, Abdullah bin Mas'ud dan Zaid bin Thabit masing-masing pernah meminta fatwa kepada kawan-kawannya. Ali, Ubay bin Ka'ab, dan Abu Musa al-Ash'ari meminta

fatwa sesama mereka sendiri.

Ibn Qayyim menyebutkan bahawa lebih daripada 130 orang sahabat Nabi (lelaki dan perempuan) ada menghafal fatwa-fatwa itu. Yang mengeluarkan fatwa dari sahabat-sahabat itu ialah tujuh orang: Umar ibn al-Khattab, Ali ibn Abi Talib, Abdullah bin Mas'ud, Aisyah Ummul Mukminin, Zaid bin Thabit, Abdullah bin Abbas dan Abdullah bin Umar. Sahabat-sahabat yang pertengahan dalam memberi fatwa ialah Abu Bakar, Ummu Salamah (perempuan) Anas bin Malik, Abu Hurairah, Uthman dan 20 orang sahabat-sahabat lain. Selain daripada mereka itu adalah termasuk yang sedikit dalam memberi fatwa, tidak ada yang diriwayatkan orang daripada mereka selain daripada satu atau dua sahaja.

Beberapa perbezaan yang tersebut mereka berpengetahuan khas di dalam sesuatu macam ilmu sahaja tetapi bukanlah dengan erti bahawa untuk meminta fatwa sesuatu itu mestilah kepada seseorang yang telah ditentukan kerana setengah sahabat-sahabat itu ada yang terkemuka di dalam sesuatu jenis ilmu pengetahuan dan melebihi daripada sahabat-sahabat yang lain. Oleh kerana itu sahabat-sahabat yang banyak datang kepada mereka apabila timbul suatu masalah yang menghendaki demikian itu.

Ibn Wahab berkata: "Pada hari Peperangan al-Jibiyah, Umar Ibn al-Khattab telah berkhotbah di hadapan orang ramai katanya: 'Sesiapa yang hendak bertanya dari hal faraid, pergilah kepada Zaid bin Thabit; Sesiapa yang bertanya dari hal fikah, pergilah kepada Muadh bin Jabal; dan sesiapa hendak akan harta bolehlah datang kepada saya.'"

Ada pun 'A'isyah adalah terkemuka dalam hal faraid, hukum-hukum halal dan haram.

(bersambung)

BUKU2 RUMI:

a. Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

1. Tunas baru (ABC) Abdul Rahman H. Said) \$1.50
2. Tunas Baru I \$1.50
3. Tunas Baru I, III, IV. \$1.50
4. Senang Bacha I dan II, Hasan Basri \$0.80

b. Buku2 Bacaan Tambahan untok Sekolah Rendah:

1. Kucing Hitam oleh A.H. Edrus \$0.30
2. Peristewa hari Sabtu 30 sen
3. Nabi Sulaiman dengan Semut 30 sen
4. Lutong Sakti I & II 35 sen
5. Karun Dengan Hartanya 35 sen
6. Pekebut Yang Tama' 35 sen
7. Lembu Chantek 35 sen
8. Kesah Minangkabau 40 sen
9. Sutan Balun 40 sen
10. Puteri Balqis 45 sen
11. Penduduk Gua 50 sen
12. Sebab Harimau 50 sen
13. Cherita Burong Hantu 75 sen
14. Nakhoda Dengan Datok Perpatih 30 sen
15. Si Buta 30 sen
16. Mimpi 35 sen
17. Si-Pengail 45 sen
18. Sulaiman Nujum 50 sen
19. Raja Ikan 50 sen
20. Mangga Hikmat 75 sen
21. Angsa dan Burong Merak 45 sen
22. Abu Hassan Ganjil \$1.00 sen
23. Ayam dan Musang 35 sen
24. Raja Bersiong (A.Ghani Abbas) 45 sen
25. Lang Dengan Ayam (Ira Mara) 30 sen
26. Ikan Puyu 40 sen
27. Semut Membalas Budi 35 sen
28. Katak Yang Hina 40 sen
29. Bangau Dengan Singa 35 sen
30. Badak Dengan Seladang 40 sen
31. Si-Amang Dengan Kaksasa 35 sen
32. Kijang Yang Cherdek 40 sen
33. Pertengkaran Bangau dengan Belibis 35 sen
34. Buaya dengan Landak 35 sen

Pesan kepada:-

QALAM
356 & 358, Geylang Road,
Singapura, 14.